

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 19 OGOS 2017 (SABTU)

40 kenderaan MBSA dipasang Jalur Gemilang

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memasang bendera Jalur Gemilang pada 40 kenderaan milik majlis sebagai usaha menyemarakkan lagi semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan kakitangan dan juga orang ramai sempena sambutan kemerdekaan kali ke-60.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, kenderaan yang terlibat adalah kereta peronda, kenderaan pacuan 4 roda, lori kompektor, lori 'open tipper', lori 'road sweeper', van, lori 'tail lift', jengkaut, lori air (water tank) dan lain-lain.

"Kita turut menggalakkan pemasangan Jalur Gemilang di premis-premis pemiagaan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, kedai, sekolah dan tadika serta di kawasan-kawasan perumahan.

"Saya berharap masyarakat Shah Alam dapat memasang bendera dengan cara yang betul dan tidak menggunakan Jalur Gemilang

yang lusuh dan koyak bagi menerapkan rasa bangga dan cintakan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program kayuhan santai dan pemasangan bendera Jalur Gemilang pada kenderaan MBSA sempena Hari Kemerdekaan Ke-60, di Dataran Kemerdekaan, di sini.

Menurutnya, pemasangan Jalur Gemilang ini merupakan simbolik kepada kempen kibarkan Jalur Gemilang peringkat MBSA pada tahun ini.

"Bersempena itu juga, pihak majlis mengadakan program kayuhan santai melibatkan penyertaan 300 orang terdiri daripada komuniti dan ahli-ahli kelab-kelab basikal di sekitar kawasan pentadbiran MBSA.

"Peserta berkayuh sejauh 23 kilometer, mereka kemudiannya menyerahkan Jalur Gemilang di setiap perhentian iaitu sekolah-sekolah di sekitar bandar raya ini," katanya.

Ahmad Zaharin berkata, sekolah-seko-

lah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Seksyen 2, Sekolah Kebangsaan Seksyen 20, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16 serta Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang

Midlands, Seksyen 7.

"Program Kayuhan Santai ini mendapat kerjasama pelbagai agensi seperti PDRM, 'hikers climbers' dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdapa," katanya.

